

# Akta Universiti akan dipinda

KUALA LUMPUR 10 Januari — Kerajaan akan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 secepat mungkin bagi membolehkan cawangan universiti-universiti luar negara ditubuhkan di negara ini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini perlu dibuat kerana terlalu ramai rakyat Malaysia menuntut di luar negara.

"Dahulu pendedahan mereka kepada budaya asing difikir dapat memperluaskan pandangan mereka dan meningkatkan keyakinan diri. Tetapi hari ini pendedahan ini bukan sahaja tidak perlu tetapi juga tidak menguntungkan.

"Adalah lebih baik jika penuntut yang pergi ke luar negara terdiri daripada yang lebih dewasa dan tidak mudah dipengaruhi oleh budaya asing," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Kompleks Perdanasiswa, di Universiti Malaya, di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, antara syarat yang akan dikenakan ialah universiti berkenaan harus menentukan bahawa pelajar mere-

ka datangnya dari luar negara.

"Selain itu universiti tersebut boleh menggunakan bahasa lain tetapi mereka juga harus mempunyai kursus yang dikendalikan dalam bahasa Malaysia dan mempunyai mata pelajaran yang berkaitan dengan negara ini," katanya.

Ditanya bilakah cawangan universiti berkenaan boleh ditubuhkan, Dr. Mahathir berkata: "Kita perlu secepat mungkin kerana pada masa ini ada 50,000 orang penuntut Malaysia di universiti luar negara yang menggunakan bahasa asing dan tidak terdedah kepada apa-apa yang mendatangkan manfaat."

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata, jumlah penubuhan cawangan berkenaan terserah kepada pihak swasta.

"Jika mereka nampak ada peluang mereka akan buka lebih banyak cawangan kerana di Malaysia minat untuk belajar memang ada, itulah sebabnya ada ibu bapa yang hantar anaknya ke luar negara dan belanja RM30,000 hingga RM40,000 setahun sedangkan kalau belajar di Malaysia mereka belanja separuh sahaja," katanya.